



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MELUKIS MURAL RUKUN NEGARA PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2024 DAN PELANCARAN PROGRAM ARKIB@SEKOLAH

---

**PUTRAJAYA**, 20 Ogos 2024 - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah **merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2024 dan Pelancaran Program Arkib@Sekolah** di Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint (5) 1, hari ini. Program ini diadakan sebagai satu daripada usaha Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia bagi memupuk semangat patriotism, memperkukuhkan penghayatan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara serta memperkasakan penghayatan terhadap sejarah, budaya dan warisan negara.

Selain itu, KPN dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk meneraju Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Rukun Negara bagi merancang, melaksana dan memantau program penghayatan Rukun Negara dalam semua peringkat sistem pendidikan bermula pra-sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Justeru, Rukun Negara disemarakkan bagi memupuk semangat cintakan negara sekaligus menjadi tunjang perpaduan dan keharmonian nasional agar terus dihayati dan menjadi budaya di segenap lapisan masyarakat.

KPN melalui Majlis Mesyuarat Penasihat Perpaduan Negara, telah meluluskan Modul Penghayatan Rukun Negara dan diaplikasi di enam (6) buah zon negeri bagi membentuk kemenjadian **Belia Menjiwai Rukun Negara**. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menyatakan untuk terus menyokong usaha-usaha untuk memastikan konsep perpaduan dalam ekosistem pendidikan kurikulum.

Pelaksanaan pertandingan ini telah bermula pada Mei 2024 dan penyertaan dibuka kepada semua sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Namun, 15 buah sekolah menengah telah melepasi fasa penilaian juri dan berjaya menempatkan diri di pusingan terakhir.

Majlis ini turut dihadiri oleh Encik Anthony Tan, Pengarah Urusan SIME Kansai selaku penaja bersama, wakil Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara dan wakil sekolah daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**  
**20 Ogos 2024**